

31 JAN 1999

Syed Hamid-Singapura

MALAYSIA BINA SEMANGAT KEJIRANAN BAIK DENGAN S'PURA

KOTA TINGGI, 31 Jan (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Malaysia akan sentiasa cuba membina semangat kejiaran yang baik dengan Singapura agar mendatangkan manfaat kepada kedua-dua negara.

Katanya, beliau amat gembira pertemuan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew dapat diadakan di Davos, Switzerland untuk membincangkan isu-isu semasa dan hubungan dua hala.

Kedua-dua pemimpin itu berada di Davos kerana menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF).

"Saya percaya dengan pertemuan ini, ia akan membantu lagi dalam kita mencari penyelesaian terhadap pakej yang kita mahu capai antara Malaysia dan Singapura," katanya kepada pemberita di Malaysia dan Singapura dalam beberapa hal mempunyai kaitan dan kaitan itu boleh mendatangkan manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

Menurutnya, pertemuan itu hendaklah dilihat bukan sahaja dalam konteks untuk membina kepentingan politik bahkan mewujudkan keamanan dan kesejahteraan serta mendatangkan manfaat untuk kepentingan kedua-dua negara dalam hubungan jangka panjang.

"Sikap yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri dan Lee harus dipuji. Saya tengok ada tanda-tanda positif ke arah penyelesaian isu-isu yang ada," katanya.

Pada 24 Jan lepas, Timbalan Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong berkata hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura sekarang kian tenang.

"Singapura harus mengekalkan keadaan itu tetapi masalah hubungan dua hala mungkin tidak akan hapus sepenuhnya dan apabila ia wujud, Singapura akan menanganinya sebaik mungkin," kata Hsien Loong.

Singapura telah memberi tempoh sebulan, mulai minggu lepas, kepada Malaysia supaya Malaysia mengemukakan penghujaan untuk mengekalkan kemudahan pusat Kuarantin, Imigresen dan Kastam (KIK) di stesen kereta api Tanjong Pagar.

Singapura mahu Malaysia mengiktiraf hak negara itu berkaitan isu yang bersangkutan dengan KIK sebelum rundingan isu dua hala antara kedua-dua negara itu dimulakan.

Malaysia pula telah menyatakan bahawa ia akan tetap dengan persetujuan awal, antara kedua-dua pemimpin negara itu, untuk menyelesaikan masalah tersebut secara pakej.

-- BERNAMA

MKO RHM